

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA
(PARIT BUNTAR)**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan mekanisme terbaik bagi membela nasib salah satu rangkaian nilai industri padi iaitu kilang pemprosesan padi yang terhimpit dengan harga siling Beras yang ditetapkan sedangkan kos dan harga padi semakin meningkat saban tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa prihatin terhadap semua pihak berkepentingan di sepanjang rantai industri padi dan beras yang terdiri daripada pesawah, pembeli padi, pengilang, pemborong, peruncit dan pengguna. Bagi membantu pesawah mempertingkatkan pendapatan, harga lantai belian padi telah diseragamkan daripada RM850 setiap tan metrik kepada RM1,200. Bagi tujuan memastikan rakyat dan pengguna sentiasa memperolehi bekalan beras dengan harga yang berpatutan dan terkawal pula, Kerajaan telah menetapkan harga beras putih tempatan dengan kandungan hancur 5% dikawal tidak melebihi RM2.60 setiap kilogram.

2. Kerajaan sedia maklum berhubung penetapan dasar-dasar tersebut memberikan kesan kepada kepada pihak lain di dalam rantai industri seperti pengilang padi memandangkan margin keuntungan perniagaan yang semakin mengecil kesan daripada harga runcit beras yang ditetapkan. Justeru, Kementerian dalam proses melaksanakan kajian pasaran secara terperinci sebelum mengemukakan cadangan berkaitan dengan perkara ini dengan memastikan pendekatan yang akan dikenal pasti tidak membebankan pengguna dan rakyat keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.